

**TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI**  
**ALOR SETAR, KEDAH**  
**SEMPENA PERAYAAN LIMA TAHUN AMANAH IKHTIAR MALAYSIA**  
**WILAYAH KEDAH/PERLIS**  
**18 MAC 1996**

1. Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat saya bersama-sama para hadirin sekalian dalam satu majlis yang penuh bermakna pada hari ini. Saya juga mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kerana diundang untuk merasmikan Majlis Perayaan Lima Tahun Amanah Ikhtiar Malaysia Wilayah Kedah/Perlis ini.

2. Saya berbangga sekali menyaksikan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Kerajaan negeri, agensi-agensi Kerajaan dan swasta bersama-sama berpadu tenaga untuk menjayakan majlis yang mulia ini. Walaupun AIM adalah sebuah badan bukan kerajaan namun ianya telah mendapat sokongan daripada agensi-agensi yang terlibat.

3. Saya berasa sukacita dengan pencapaian sahabat-sahabat semua. Saya dimaklumkan bahawa di seluruh Malaysia, sebanyak 39,400 keluarga telah menyertai AIM dengan aktifnya dan yang lebih membanggakan ialah Wilayah Kedah/Perlis merupakan wilayah yang mempunyai bilangan sahabat yang paling ramai berbanding dengan wilayah-wilayah lain iaitu seramai 11,280 sahabat dan 100 peratus sahabat dari wilayah ini adalah wanita. Ini membuktikan anggapan bahawa kaum wanita yang selama ini hanya layak duduk di ceruk dapur dan tidak menghiraukan perkembangan di sekitar mereka adalah tidak tepat sama sekali. Sahabat AIM pada hari ini telah membuktikan bahawa kaum wanita juga mempunyai semangat dan kemahuan untuk meningkatkan taraf hidup keluarga mereka. Dalam konteks ini, menyertai AIM adalah satu langkah yang bijak kerana ini merupakan satu saluran yang mampu memberi peluang kepada sahabat-sahabat untuk membina keyakinan diri dan seterusnya menjadi usahawan di suatu masa kelak.

4. Saya dimaklumkan bahawa sahabat-sahabat telah menunjukkan rekod bayaran balik ke atas pinjaman yang diberikan dengan amat cemerlang iaitu hampir 100 peratus. Rekod yang baik ini adalah merupakan satu sebab AIM terus bersedia memberikan pinjaman kepada sahabat-sahabat sekalian. Dengan ini sahabat-sahabat juga telah membuktikan bahawa sahabat-sahabat semua adalah masyarakat yang boleh dipercayai. Dengan kadar bayar balik hampir 100 peratus maka ini jelas menunjukkan satu kejayaan yang membanggakan. Saya ingin menyeru kepada sahabat-sahabat semua khususnya sahabat di Wilayah Kedah/Perlis untuk terus menjaga rekod yang cemerlang tersebut agar keyakinan semua pihak berterusan dan peluang untuk terus maju akan terbuka dengan lebih luas lagi.

5. Saya juga kagum dengan kegigihan sahabat menjalankan aktiviti-aktiviti secara kecil-kecilan di dalam usaha meningkatkan taraf ekonomi keluarga

sehingga AIM berjaya mengeluarkan pinjaman modal sebanyak lebih RM78 juta. Tanpa usaha gigih sahabat-sahabat maka sudah pastilah permintaan modal kepada AIM tidak akan begitu menggalakkan. Saya berharap sahabat-sahabat akan terus merebut peluang yang ada. Kegigihan dan inisiatif sahabat adalah seiring dengan wawasan negara yang meletakkan tanggungjawab dan peranan yang penting ke atas setiap anggota masyarakatnya untuk membentuk sebuah negara maju yang unggul.

6. Saya dimaklumkan bahawa lebih 60 peratus daripada projek yang dijalankan di wilayah ini mencapai kejayaan yang membanggakan dan terus merangsang sahabat-sahabat untuk terus melangkah menuju kejayaan. Saya yakin setiap usaha yang baik akan membuahkan hasil yang baik juga. Semoga dengan kerja yang keras serta dedikasi yang berterusan sahabat-sahabat semua akan menjadi usahawan wanita yang lebih berjaya di masa depan.

7. Kejayaan yang memberangsangkan ini membuatkan saya dengan tidak ragu-ragu telah mengumumkan kejayaan AIM, khususnya golongan wanita semasa Persidangan Wanita Antarabangsa di Beijing, China pada September 1995 yang lalu. Negara-negara lain kagum dengan hakikat bahawa peserta-peserta AIM ataupun sahabat menunjukkan rekod bayaran balik ke atas pinjaman yang tinggi. Saya berharap agar prestasi yang baik ini akan terus dikekalkan.

8. Walau bagaimanapun, sayugia diingatkan kita sebagai wanita, walau sejauh mana kejayaan kita, kita tetap tidak boleh mengeneipkan keluarga kita. Kita mempunyai tanggungjawab yang besar di dalam melahirkan generasi yang bermoral di dalam masyarakat kita. Mendidik anak-anak adalah satu jihad yang amat besar dan insya-Allah kita akan mendapat ganjaran sewajarnya dari Allah Subhanahu wa Ta'ala sebagai ibu, isteri dan wanita, kitalah yang menentukan corak arah sesebuah negara kerana terdapat pepatah yang mengatakan "Baik wanita baiklah negara, rosak wanita, rosaklah negara". Kita hendaklah menjadi contoh yang unggul kepada ahli keluarga kita kerana dengan akhlak yang mulia dan terpuji maka kita akan dapat membentuk generasi yang mempunyai jatidiri.

9. Sahabat semua mempunyai tanggungjawab yang besar di mana sebagai seorang wanita, isteri dan ibu, tugas mendidik anak-anak tidak harus diabaikan. Di samping itu, sebagai anggota masyarakat yang ingin sama-sama berjuang membina negara yang berwawasan, sahabat semua haruslah mencari dan merebut peluang-peluang ekonomi dan seterusnya mengendalikan usaha-usaha yang sedia ada dan sedang dijalankan. Sahabat juga perlu bersedia menambahkan ilmu pengetahuan serta kemahiran yang sesuai dengan keperluan semasa agar sahabat semua mampu bersaing dengan apa jua perubahan dan cabaran yang mendatang. Kita harus faham di zaman ini, perubahan teknologi adalah amat pesat dan jika pengetahuan kita tidak upaya ditingkatkan dari semasa ke semasa, kita akan sentiasa ketinggalan.

10. Untuk mengecap kejayaan, kita perlu mempunyai keyakinan diri yang tinggi. Kita harus berani menampilkan diri ke hadapan dan terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan agar minda kita akan dapat berkembang. Sikap meminggirkan diri

kerana takut, malu dan was-was haruslah dilenyapkan. Hindarkan sikap menanti "yang bulat datang bergolek, yang pipih datang melayang".

11. Untuk mencapai kejayaan dalam semua aspek bukanlah sesuatu yang mudah. Persefahaman di kalangan suami-suami amatlah diperlukan. Walaupun AIM kelihatannya mengutamakan wanita, namun ini tidak bermakna kaum lelaki diketepikan. Sumbangan dan sokongan suami di dalam perjuangan mencapai cita-cita murni amatlah diperlukan. Kejayaan boleh dicapai hanya dengan usaha bersama seluruh keluarga dan juga masyarakat.

12. Saya yakin kejayaan yang diperolehi oleh sahabat AIM kini juga adalah hasil kerjasama erat dan sokongan padu yang berterusan daripada agensi-agensi Kerajaan dan swasta yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung. Saya berharap kerjasama yang erat ini akan berterusan dan natijahnya akan membentuk sebuah masyarakat yang harmonis serta dapat mengecap kemakmuran negara.

13. Kepada seluruh masyarakat, saya menyeru supaya terus memberi sokongan kepada setiap projek, program mahupun badan-badan yang ingin membantu meningkatkan taraf kehidupan masyarakat. Sokongan yang padu ini akan dapat mewujudkan masyarakat yang adil dan harmonis tanpa ada rasa irihati dan rendah diri di kalangan ahli masyarakat.

14. Dengan lafaz Bismillahir rahmanir rahim, saya merasmikan Hari Perayaan Lima Tahun AIM Wilayah Kedah/Perlis dengan harapan majlis ini akan memberikan manfaat kepada yang hadir.